KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	02.08.22	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	JKPTG			

100 kakitangan kontrak bantu percepat tuntutan pembahagian harta pusaka



ALI (tengah) melawat gerai pameran selepas Majlis Perasmian Persidangan Pentadbiran Tanah sempena Hari Tanah Negara ke-6 2022. - Gambar NSTP/SAMADI AHMAD

Putrajaya: Penambahan 100 kakitangan secara kontrak dan pelaksanaan Sistem e-Tanah secara menyeluruh di seluruh negara akan dapat membantu mempercepatkan proses tuntutan pembahagian harta pusaka.

Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Datuk Ali Biju berkata, ketika ini Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) berhadapan dengan 72,348 tunggakan kes sedia ada susulan pandemik Covid-19.

Menurutnya, kesemua kes ini dijangka akan diselesaikan sehingga penghujung tahun ini dan kebiasaannya setiap kes mengambil masa empat bulan untuk diselesaikan.

Katanya, 100 kakitangan kontrak secara lantikan selama tiga tahun ini sebahagiannya Gred N41 dan N19 dijangka memulakan tugas sebelum hujung tahun ini sebagai penyelesaian jangka pendek bagi menangani kes pembahagian pusaka.

"Kakitangan lantikan secara kontrak ini akan ditempatkan di negeri-negeri yang mempunyai kes tuntutan tinggi seperti Kedah, Selangor dan Johor, "katanya pada Majlis Perasmian Persidangan Pentadbiran Tanah sempena Hari Tanah Negara ke-6 2022.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KeTSA,Datuk Rosli Isa dan Timbalan Ketua Pengarah JKPTG (Sektor Kemajuan Pengurusan Perundangan).

Sistem e-Tanah mula dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 2017 dan kerajaan memutuskan memperluaskannya secara kerjasama sektor awam dan swasta ke tujuh negeri lain dalam masa terdekat.

Ali berkata, sistem ini berjaya dibangunkan di Perak, Putrajaya dan Labuan serta akan diperluaskan ke negeri-negeri lain yang dijangka diguna pakai pada 2024.

Katanya, sistem ini dalam penambahbaikan dan dijangka boleh digunakan sepenuhnya pada suku ketiga Julai 2023.

Ali menjelaskan, draf Peraturan-Peraturan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) (Akta 98) 2022 selesai disemak oleh Unit Undang-Undang KeTSA dan dihantar untuk pertimbangan Jabatan Peguam Negara pada 24 Jun lalu dan apabila dimuktamadkan akan mula dikuatkuasakan.

"Penguatkuasaan pindaan terbaharu Akta 98 ini dijangka akan meningkatkan jumlah kes diterima Bahagian Pembahagian Pusaka (BPP), JKPTG daripada 60,000 kes kepada 120,000 kes setahun," katanya.